

MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL DAN PENUTUP KURSUS PENYELIA KANAN (KPK) SIRI 228/19

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4739-majlis-penyampaian-sijil-dan-penutup-kursus-penyelia-kanan-kpk-siri-228-19

SUBANG, 29 Mac 19 - Majlis Penyampaian Sijil dan Penutup Kursus Penyelia Kanan (KPK) Siri 228/19 telah disempurnakan oleh Pengarah Penyelidikan, Kol Ghazali bin Yayah TUDM bertempat di Dewan Pahlawan Institut Pengajian Pentadbiran dan Pengurusan (INSTAR).

Seramai 120 orang pelatih daripada pelbagai ketukangan dalam TUDM terdiri daripada 112 pelatih lelaki dan 8 pelatih wanita. Kursus ini bertujuan untuk melahirkan seorang PTTK yang berilmu, berupaya menjalankan tugas dengan lebih cekap dan sempurna sesuai dengan tanggungjawab yang diamanahkannya.

Kursus yang bermula pada 4 Mac 19 dan tamat pada 1 Apr 19 ini merupakan antara pra syarat kenaikan pangkat ke pemangku Sarjan Udara. Majlis turut dihadiri oleh Pegawai Memerintah INSTAR, Lt Kol Harisson bin Harun TUDM, pegawai dan jurulatih INSTAR.

